

## **Reaksi pelajar terhadap program Pendidikan Luar dan hubungannya dengan pengetahuan, sikap dan kemahiran**

### **ABSTRAK**

Kajian ini dijalankan untuk menentukan hubungan di antara reaksi pelajar terhadap program Pendidikan Luar dengan pengetahuan, sikap dan kemahiran diperoleh selepas program. Kajian ini juga untuk menentukan perbezaan pengetahuan, sikap dan kemahiran pelajar sebelum dan selepas program. Reka bentuk kajian kuantitatif ini melibatkan 182 responden ( $L=96$ ,  $P=86$ ) yang mengikuti Program Pensiswazahan Guru Sekolah Rendah. Kajian ini menggunakan Model Penilaian Kirkpatrick 1994, sebagai model penilaian. Borang soal selidik sebagai instrumen kajian dengan menggunakan format likert-scale. Data dianalisis menggunakan statistik diskriptif, ujian-t berpasangan dan korelasi. Dapatkan kajian menunjukkan tahap reaksi pelajar terhadap program Pendidikan Luar yang dijalankan adalah pada tahap yang tinggi ( $M=4.00$ ,  $SP=0.34$ ). Bagi penganalisaan pengetahuan, sikap dan kemahiran sebelum dan selepas program menunjukkan terdapat peningkatan selepas mereka mengikuti program; Nilai min bagi peningkatan ialah 3.67 ( $SP=0.41$ ) sebelum program dan nilai min meningkat kepada 4.05 ( $SP=0.34$ ) selepas program; Nilai min bagi sikap 3.66 ( $SP=0.27$ ) sebelum program dan min 4.06 ( $SP=0.28$ ) selepas program; Nilai min bagi kemahiran ialah 3.78 ( $SP=0.22$ ) sebelum program dan min 4.03 ( $SP=0.28$ ) selepas program. Terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pengetahuan ( $t= -9.94$ ,  $p= 0.01$ ), sikap ( $t= -12.9$ ,  $p= 0.01$ ) dan kemahiran ( $t= -9.12$ ,  $p= 0.01$ ) sebelum dan selepas program dijalankan. Manakala terdapat hubungan signifikan di antara reaksi pelajar terhadap program Pendidikan Luar dengan pengetahuan ( $r=0.20$ ,  $p=0.01$ ), sikap ( $r=0.21$ ,  $p=0.01$ ) dan kemahiran ( $r=0.20$ ,  $p=0.02$ ). Pelajar cenderung untuk mempelajari dan berubah kepada sesuatu yang lebih baik dari segi pengetahuan, sikap dan kemahiran selepas mengikuti program. Peningkatan terhadap pengetahuan, sikap dan kemahiran pula berkait dengan keberkesanan perancangan dan pengolahan sesuatu program itu.

**Keyword:** Outdoor education; Reaction evaluation; Learning evaluation